

---

---

# Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah

Sapora Sipon

---

---

## Abstrak

*Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B & K) sekolah memainkan peranan penting dalam agenda pendidikan negara terutamanya bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan menyambut cabaran Wawasan 2020. Perkhidmatan B & K perlu mempunyai pengurusan yang mantap dan sistematik dalam usaha mencapai hasrat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Bagaimanapun, banyak kajian yang menunjukkan perkhidmatan B&K sekolah masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Oleh itu, kertas ini membincangkan faktor-faktor yang dapat mempertingkatkan pengurusan perkhidmatan B & K. Selain dari itu, ia juga akan melihat keperluan perkhidmatan B & K sekolah, pelantikan kaunselor sekolah sepenuh masa dan ciri-ciri kaunselor yang mantap. Kertas ini juga akan mengariskan beberapa cadangan dalam mewujudkan keberkesanan pengurusan perkhidmatan B & K sekolah.*

## Pengenalan

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) sekolah amat penting dewasa ini dalam era negara mengalami perubahan hasil dari kemajuan dan pembangunan pesat negara. Perkhidmatan B&K sekolah wujud dalam usaha manusia mencari jalan keluar agar individu menemui kesejahteraan dan menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar (Utusan Malaysia, Mac 2000). Perkhidmatan B & K dilihat semakin penting bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan menyambut cabaran wawasan 2020 serta membantu pelajar mencapai celik akal dan kesejahteraan hidup

Pengurusan B & K sekolah yang mantap penting dalam memberi perkhidmatan B&K yang terbaik kepada pelajar, sekolah dan masyarakat. Bagaimanapun, banyak kajian yang telah dijalankan yang menunjukkan

## **Objektif Am Perkhidmatan B & K**

Kementerian Pendidikan Malaysia (1993) menjelaskan antara objektif am perkhidmatan B & K sekolah ialah memberi khidmat penyuburan dan pengayaan meliputi semua aspek perkembangan diri pelajar, memberi khidmat pencegahan iaitu menghindarkan pelajar daripada terlibat dalam perbuatan salah laku, memberi khidmat bersifat pemulihan untuk mengorientasikan semula pelajar yang bermasalah dan memberi khidmat kaunseling krisis kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya.

## **Mempertingkatkan tahap pengurusan perkhidmatan B & K**

Dalam usaha mempertingkatkan tahap pengurusan perkhidmatan B & K sekolah, beberapa perkara perlu diambil kira. Antara lainnya ialah keperibadian kaunselor sekolah tersebut, falsafah yang dianuti, perancangan program perkhidmatan B & K sekolah, pelaksanaan perkhidmatan B&K sekolah, pembentukan objektif perkhidmatan B&K sekolah yang mantap. Di samping itu kaunselor juga dikehendaki menyediakan buku-buku rekod yang berkaitan dengan perkhidmatannya dan melaksanakan tugas-tugas yang telah ditetapkan

### **✓ Falsafah yang Dianuti**

Melaksanakan perkhidmatan B&K sekolah perlu berasaskan falsafah pendidikan yang mantap yang menjadi landasan kepada setiap pelajar. Selain daripada mempunyai falsafah yang dianuti, kaunselor sekolah juga perlu melaksanakan falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu kaunselor sekolah perlu mempunyai falsafahnya dalam usaha melahirkan kaunselor yang profesional.

### **✓ Yakin kepada Perkhidmatan B & K**

Kaunselor sekolah perlu yakin bahawa proses pendidikan seharusnya menjadi pegangan mereka. Mereka perlu percaya dan yakin bahawa tujuan dan matlamat pendidikan dan keperluan bersatu untuk mencapai cita-cita tersebut. Kaunselor sekolah juga perlu percaya bahawa perkhidmatan B & K adalah salah satu aktiviti pendidikan yang bersifat tidak langsung dalam mempengaruhi pelajar.

### **✓ Pembentukan Objektif Perkhidmatan B & K yang Mantap**

Dalam pembentukan perkhidmatan B&K sekolah yang mantap, banyak perkara yang perlu diberi perhatian seperti pembentukan objektif B&K

sekolah itu mestilah ada pernyataannya, perubahan, perlakuan yang perlu dicapai dalam bentuk sikap, emosi, pengetahuan dan kemahiran. Selain daripada itu, objektif mestilah jelas dan tepat menentukan arah kerja. Objektif adalah menjadi panduan memilih aktiviti yang sesuai.

#### ✓ **Keberkesanan Jawatankuasa Perkhidmatan B & K**

Keberkesanan jawatankuasa B&K sekolah banyak bergantung kepada keterlibatan Jawatankuasa B&K sekolah tersebut. Jawatankuasa B&K sekolah juga harus bermesyuarat dan memikirkan keperluan-keperluan pelajar dan sentiasa memastikan penglibatan dan kerjasama semua pihak secara berterusan untuk memastikan kejayaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Jawatankuasa ini mestilah merancang penggunaan sumber secara maksimum dan mendapat penglibatan dan kerjasama daripada agensi-agensi lain termasuk Jabatan Kesihatan, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan kementerian Buruh, Badan-badan Persendirian. Jawatankuasa mestilah selalu mengadakan mesyuarat untuk membuat kajian dan merancang program perkhidmatan kaunseling supaya menjadi lebih berkesan lagi.

#### ✓ **Penyediaan Buku-buku Rekod Kaunselor Sekolah**

Mengikut surat Pekeliling (BS)8591/Jil.VIII/(56), Kementerian Pendidikan Malaysia, bertarikh 6 Mei 1997, kaunselor sekolah juga dikehendaki menyediakan buku-buku rekod bagi tujuan meningkatkan tahap profesionalisme perkhidmatan B&K sekolah. Buku-buku rekod yang dimaksudkan adalah seperti buku rancangan tahunan perkhidmatan B&K sekolah, rancangan mingguan perkhidmatan B&K sekolah, rancangan harian perkhidmatan B&K sekolah, rekod penyata perbelanjaan unit B&K sekolah, laporan aktiviti kelab, laporan aktiviti harian, rekod temu/ramah/kaunseling, borang temu janji khidmat kaunseling, borang rujukan khidmat kaunseling, borang kaunseling individu dan rekod kaunseling kelompok. Selain daripada itu, bagi tujuan memperkemas pengurusan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, kaunselor sekolah juga perlu mempunyai buku panduan pelaksanaan perkhidmatan B & K di sekolah menengah, panduan tatacara disiplin sekolah untuk guru besar dan guru, tatacara tindakan penyalahgunaan dadah, buku log pembimbing rakan sebaya, buku log skim lencana anti dadah dan surat-surat pekeling ikhtisas berkaitan peraturan, disiplin dan bimbingan dan kaunseling.

## **Ciri-Ciri Kaunselor Sekolah Yang Mantap**

Kaunselor sekolah yang profesional memberi sumbangan yang amat besar dalam keberkesanan pengurusan perkhidmatan B&K sekolah. Kaunselor sekolah yang profesional wajar mempunyai personaliti yang cemerlang dari segi perwatakan, berpakaian dan tutur kata. Kaunselor sekolah hendaklah sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan semua pihak di sekolah seperti pihak pengetua, penolong kanan 1, penolong kanan Hal-Ehwal Murid, penyelia petang, guru disiplin dan semua masyarakat guru dan bukan guru di sekolah. Kaunselor sekolah juga sering menjadi rujukan guru, ibu bapa dan lain-lain agensi yang memerlukan perkhidmatan kaunselor dari masa kesemasa. Ilmu pengetahuan perlu ditimba untuk menjadikan kaunselor seorang yang berilmu, sentiasa belajar, proaktif, berfikiran positif, kreatif, berwawasan jauh ke hadapan, berkebolehan sosial, mempunyai jati diri yang tinggi, sentiasa bermotivasi dan senyum selalu

Kaunselor sekolah juga perlu mempunyai latarbelakang pendidikan yang luas yang dapat membantu beliau memahami manusia di tempat beliau bekerja, menghargai nilai-nilai dan idea-idea orang lain, menyesuaikan diri kepada perubahan budaya, ekonomi dan saintifik dan mengaplikasikan prosedur kaunseling secara meluas.

*American Personnel and Guidance Association* (1961) melihat beberapa ciri utama kaunselor yang cekap. Antara ciri-ciri yang dirasakan amat penting dalam membentuk keperibadian kaunselor yang baik adalah seperti mempercayai bahawa setiap individu mempunyai potensi untuk berkembang, berfikiran terbuka, dan memahami diri sendiri.

## **Cadangan Mempertingkatkan Pengurusan Perkhidmatan B K**

Perkhidmatan B&K sekolah perlu dimantapkan dalam usaha mempertingkatkan tahap pengurusan perkhidmatan B&K sekolah. Beberapa cadangan yang dirasakan dapat membantu mempertingkatkan tahap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah seperti berikut;

- ❖ Kaunselor mengadakan hubungan yang lebih erat dengan ibu bapa atau penjaga pelajar dengan tujuan untuk bekerjasama dan berbincang mengenai perkembangan dan kemajuan para pelajar
- ❖ Menerangkan program B&K sekolah kepada ibu bapa dan penjaga serta membiasakan mereka dengan khidmat bimbingan yang sekolah

- ❖ Melibatkan ibu bapa dan penjaga dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kakitangan program bimbingan di sekolah.
- ❖ Bekerjasama dengan semua ahli kaki tangan akademik sekolah dengan menyediakan maklumat tertentu untuk penerangan dan rujukan seperti mengadakan perbincangan yang boleh membantu guru-guru supaya lebih memahami lagi sikap dan sifat-sifat individu para pelajar.
- ❖ Bekerjasama dengan pihak pentadbir dan guru untuk mendapatkan cara-cara yang baik supaya para pelajar diberi perhatian dalam pembelajaran.
- ❖ Menggunakan kaedah-kaedah teknologi moden untuk menyebarkan maklumat –maklumat pelajaran dan kerjaya.
- ❖ Membantu para pelajar merancang program latihan pelajar dan kerjaya selaras dengan kehendak sekolah.
- ❖ Sentiasa berusaha menambah kecekapannya dan sentiasa menyedari pembaharuan yang berlaku sama ada di dalam atau di luar sekolah.
- ❖ Sentiasa berusaha memajukan profesion kaunseling dengan membuat atau membantu penyelidikan yang berkaitan dan mengambil bahagian dalam aktiviti anjuran-anjuran Persatuan Kaunseling, sama ada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan.
- ❖ Berbincang dengan rakan-rakan sekerja yang lain seperti pengetua, penolong kanan dan guru-guru mengenai langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengukuh dan meningkatkan lagi taraf dan syarat profesion kaunseling.
- ❖ Berusaha meninggikan imej kaunselor dan pakar-pakar rujuk yang lain apabila berhubung dengan para pelajar, ibu bapa dan masyarakat.
- ❖ Memberi perkhidmatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok sekerap yang mungkin.
- ❖ Menyediakan kotak-kotak cadangan dan kotak borang perkhidmatan kaunseling di luar bilik unit bimbingan dan kaunseling.

Dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan latihan penyediaan kaunselor sekolah pula, langkah-langkah yang bersesuaian perlu diambil. Berikut ialah beberapa cadangan yang dirasakan boleh membantu dalam mempertingkatkan mutu latihan penyediaan kaunselor sekolah dalam usaha mempertingkatkan tahap pengurusan perkhidmatan B&K sekolah.

- ❖ Latihan penyediaan kaunselor sekolah sepatutnya dirangka dengan baik supaya dapat memenuhi objektif yang telah ditetapkan berdasarkan falsafah Pendidikan Negara yang boleh menggambarkan tahap profesionalisme kaunselor sekolah yang tinggi
- ❖ Kurikulum pendidikan kaunselor perlulah sepunya antara institusi yang melatih bakal-bakal kaunselor sekolah.
- ❖ Perlunya ada peluang-peluang untuk pendidikan berterusan untuk kaunselor sekolah mempraktis kemahiran dan menambahkan ilmu.
- ❖ Kemasukkan bakal pelatih kaunselor mestilah berdasarkan bukti-bukti bahawa calon tersebut mempunyai minat, kebolehan dalam kaunseling.
- ❖ Sepanjang program penyediaan kaunselor, kemajuan calon perlu sentiasa dipantau.
- ❖ Tenaga pengajar perlu mempunyai pengalaman dalam menjalankan praktikum. Mereka perlu mempunyai masa yang mencukupi dalam melaksanakan tanggungjawab profesion mereka. Ini termasuk mempunyai masa yang mencukupi untuk penyeliaan yang teliti bagi penilaian setiap calon.
- ❖ Latihan praktikum perlu dilakukan di mana terdapatnya penyelia lapangan yang terlatih.

## Penutup

Perkhidmatan B&K sekolah merupakan satu perkhidmatan yang amat penting dalam era negara menuju ke arah negara maju dan dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan menyambut cabaran Wawasan 2020. Perkhidmatan B&K sekolah masih lagi di tahap yang baru dan pelaksanaannya memerlukan kerjasama dari semua pihak. Dalam usaha meningkatkan tahap pengurusan perkhidmatan B&K sekolah, banyak usaha yang perlu dipertingkatkan. Selain daripada itu, semua pihak yang terlibat dalam perkhidmatan B&K juga perlu memberi kerjasama yang jitu dalam meningkatkan tahap perkhidmatan B&K.

## Rujukan

- American Personnel and Guidance Association (1961) Standards for the preparation of school counsleors. *Personnel Guidance Journal*, 40, 402-407
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1993) Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah Menengah. Unit Bimbingan dan Kaunsleing, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Hisa Tahat. (1978) Perkhidmatan kaunseling dan status kaunselor. Kertas Projek Diploma Kaunseling, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Morazuki Hashim. (1980) Menilai keperluan-keperluan dalam perkhidmatan bimbingan dan memilih prioritinya. Kajian kes di sebuah sekolah menengah luar bandar di Selangor. Projek Diploma Kaunsleing (tidak diterbitkan). Jabatan Psikologi, UKM, Bangi.
- Nugent, F. A. (1981) Asian theories of personality dalam R. Corsini (ed). *Contemporary theories of personality*. Itasca. ILL: Peacocok.
- Suradi Salim (1992) The need for a more effective guidance programme for Malaysia Youth. Simhadri, Y.C (ed). *Peace Global Youth and Development: The role of Science and technology in Modern Society*. Ajanta Books International; India (521-210).
- Surat Pekeliling KP(BS)8591/Jld.Viii/(56) Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berita Harian, 10 Julai 1997

Utusan Malaysia, 30 Mac 2000

Utusan Malaysia, 30 Mac 2000

---

Puan Sapora Sipon ialah Pensyarah di Sekolah Psikologi  
Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

---